



# **SOALAN-SOALAN LAZIM PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
2015**

## KANDUNGAN

	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>1.</b>	Dasar PT3	<b>3</b>
<b>2.</b>	Instrumen PT3	<b>7</b>
<b>3.</b>	Pendaftaran PT3	<b>11</b>
<b>4.</b>	Pengoperasian PT3	<b>17</b>
<b>5.</b>	Penjaminan Kualiti PT3	<b>20</b>
<b>6.</b>	Perekodan Skor PT3	<b>24</b>
<b>7.</b>	Pelaporan PT3	<b>26</b>
<b>8.</b>	Penyemakan Semula Keputusan PT3	<b>30</b>

1.0

DASAR PT3

---

### **1.1 Apakah PT3?**

PT3 adalah komponen pentaksiran pusat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 ditadbir oleh sekolah berdasarkan instrumen dan panduan penskoran yang setara (*standardised*) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan.

---

### **1.2 Bilakah PT3 mula dilaksanakan?**

PT3 mula dilaksanakan pada tahun 2014.

---

### **1.3 Adakah PT3 menggantikan PMR?**

PT3 tidak menggantikan PMR. PMR digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Di akhir Tingkatan 3, murid akan menerima pelaporan Sekolah, Pelaporan Psikometrik, Pelaporan Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum dan Pelaporan Pentaksiran Tingkatan 3.

---

### **1.4 Bagaimanakah PT3 dilaksanakan di sekolah?**

PT3 dilaksanakan berdasarkan Peraturan Pentadbiran PT3, Jadual Waktu PT3, Jadual Kerja PT3, Panduan Penjaminan Kualiti, Panduan Penyemakan Semula Keputusan PT3 dan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan.

---

---

## 1.5 Bagaimanakah pentadbiran PT3?

---

1. Lembaga Peperiksaan menyediakan:

- a Item (soalan)
- b Panduan Pemasangan Instrumen
- c Panduan Penskoran
- d Peraturan Pentadbiran PT3
- e Format Pelaporan PT3

2. Sekolah melaksanakan perkara berikut:

- a. Menyediakan Instrumen
  - Memuat turun instrumen yang disediakan oleh LP berdasarkan Panduan Pemasangan Instrumen
  - Membuat verifikasi instrumen
- b. Mentadbir instrumen
  - Mentadbir PT3 mengikut Jadual Waktu dan Jadual Kerja yang ditetapkan oleh LP dengan mematuhi peraturan pentadbiran PT3
- c. Memeriksa Skrip Jawapan
  - Memeriksa skrip jawapan murid berpandukan Panduan Penskoran
  - Menjalankan moderasi pemeriksaan
  - Memberi skor dan membuat verifikasi skor
  - Menghantar markah secara atas talian menggunakan aplikasi yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan
- d. Mengeluarkan Pelaporan
  - Mencetak pelaporan berdasarkan format Pelaporan PT3

---

## 1.6 Mengapa keputusan PT3 tidak boleh dibandingkan dengan keputusan PMR?

---

Keputusan PT3 tidak boleh dibandingkan dengan keputusan PMR kerana format dan instrumen yang digunakan adalah berbeza.

---

---

## 1.7 Adakah murid akan dinaikkan ke tingkatan 4 secara automatik dengan pelaksanaan PT3?

---

Ya, murid akan naik ke Tingkatan 4 secara automatik.

---

---

## 1.8 Apakah kriteria kemasukan murid tingkatan 4 aliran Sains?

---

Kriteria kemasukan murid tingkatan 4 aliran sains dinyatakan dalam Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 2/2015 bertarikh 9 Januari 2015.

Kriteria Kemasukan Murid Tingkatan 4 Aliran Sains Mulai Tahun 2015 Berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah peringkat Menengah Rendah.

**1.9 Adakah pelaporan PT3 digunakan untuk kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Teknik dan Kolej Vokasional ?**

Ya, pelaporan PT3 ini digunakan sebagai salah satu pelaporan untuk menentukan kemasukan murid-murid ke Tingkatan 4 di sekolah-sekolah berkenaan.

**1.10 Adakah PT3 boleh diulang semula?**

Tidak boleh kerana pelaksanaan PT3 adalah secara *one off* dan tiada pentaksiran ulangan.

2.0

INSTRUMEN PT3

## 2.1 Adakah instrumen PT3 diambil dari sukatan mata pelajaran tingkatan 3 sahaja?

Tidak, instrumen PT3 diambil dari sukatan mata pelajaran tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3

## 2.2 Apakah jenis instrumen yang digunakan bagi mata pelajaran bagi PT3?

Jenis instrumen yang digunakan bagi mata pelajaran PT3 seperti berikut:

BIL	MATA PELAJARAN	JENIS INSTRUMEN
1.	Bahasa Melayu	Ujian Bertulis dan Ujian Lisan (Bertutur dan Mendengar)
2.	Bahasa Inggeris	
3.	Bahasa Cina	Ujian Bertulis
4.	Bahasa Tamil	
5.	Bahasa Arab	
6.	Bahasa Iban	
7.	Bahasa Kadazandusun	
8.	Bahasa Punjabi	
9.	<i>Science</i>	
10.	<i>Mathematics</i>	
11.	Pendidikan Islam	
12.	Kemahiran Hidup Bersepadu Kemahiran	
13.	Teknikal	
14.	Kemahiran Hidup Bersepadu Ekonomi	
15.	Rumah Tangga Kemahiran Hidup Bersepadu Pertanian Kemahiran Hidup Bersepadu Perdagangan dan Keusahawanan	
16.	Sejarah	Pelbagai Instrumen
17.	Geografi	
18.	Pendidikan Kesenian (Sekolah Seni)	



### 2.3 Apakah pelbagai instrumen?

Tugasan yang memerlukan murid memberi respon kepada jenis tugasan dalam pelbagai instrumen.

### 2.4 Apakah tugas Pelbagai Instrumen?

	JENIS	KETERANGAN
i.	Tugasan bertulis	Tugasan yang memerlukan murid membuat laporan atau dokumen mengikut spesifikasi atau format yang ditetapkan, menghasilkan karya kreatif, ciptaan dan gubahandalam bentuk tulisan / bertulis.
ii.	Ujian amali	Tugasan yang memerlukan murid melakukan suatu proses kerja dan / atau menghasilkan sesuatu produk.
iii.	Projek	Tugasan yang memerlukan murid menghasilkan sesuatu produk dan membuat pelaporan tentang produk / artifak yang dihasilkan.
iv.	Persembahan	Tugasan yang memerlukan murid menunjukkan / melakukan / beraksi / mempraktikkan sesuatu aktiviti yang mempamerkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap secara lisan dan bukan lisan.
v.	Demonstrasi	Tugasan yang memerlukan murid menunjukkan cara dengan melakukan sesuatu aktiviti yang memberi kefahaman tentang sesuatu perkara secara lisan.
vi.	Kajian lapangan	Tugasan yang memerlukan murid membuat kajian di luar bilik darjah atau di makmal untuk mendapatkan data dan maklumat serta membuat laporan.
viii.	Kajian kes	Tugasan yang memerlukan murid membuat kajian berdasarkan data dan / maklumat yang diperoleh dan membuat laporan.

---

**2.5 Apakah ujian bertulis?**

Tugasan yang memerlukan murid memberikan respons secara bertulis dalam bentuk objektif atau subjektif.

---

**2.6 Apakah ujian lisan mendengar?**

Tugasan yang memerlukan murid mendengar rakaman audio dan memberi respons secara bertulis.

---

**2.7 Apakah ujian lisan bertutur?**

Ujian lisan bertutur adalah tugasan yang memerlukan murid memberi respons secara lisan.

---

**2.8 Mengapakah mata pelajaran Sejarah tidak ditaksir menggunakan instrumen ujian bertulis sedangkan mata pelajaran tersebut telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM?**

Objektif mata pelajaran Sejarah berfokus kepada domain pengetahuan, afektif, nilai, dan kemahiran. Mata pelajaran Sejarah menekankan kepada penghayatan terhadap nilai sejarah dan menanam semangat patriotisme.

Di peringkat menengah rendah, Sejarah lebih sesuai diukur melalui pelbagai instrumen yang memerlukan murid membuat kajian, rujukan dan mempersembahkan jawapan dengan kreatif dan kritis. Kemahiran yang diperolehi melalui pelbagai instrumen seperti kemahiran '*learn how to learn*' iaitu mencari maklumat daripada sumber yang sahih akan digunakan semasa murid menjawab soalan-soalan sejarah di peringkat menengah atas.

---

3.0

PENDAFTARAN PT3

### 3.1 Apakah mata pelajaran yang ditawarkan dalam PT3?

1. Bahasa Melayu
2. Bahasa Inggeris
3. Bahasa Cina
4. Bahasa Tamil
5. Bahasa Arab
6. Bahasa Iban
7. Bahasa Kadazandusun
8. Bahasa Punjabi
9. *Science*
10. *Mathematics*
11. Pendidikan Islam
12. Kemahiran Hidup Bersepadu Kemahiran Teknikal
13. Kemahiran Hidup Bersepadu Ekonomi Rumah Tangga
14. Kemahiran Hidup Bersepadu Pertanian
15. Kemahiran Hidup Bersepadu Perdagangan dan Keusahawanan
16. Sejarah
17. Geografi
18. Pendidikan Kesenian (Sekolah Seni)

### 3.2 Siapakah yang boleh menduduki PT3?

#### Calon Sekolah

a Semua murid sekolah kerajaan / sekolah bantuan kerajaan / Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) / sekolah di bawah agensi kerajaan / Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) / Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), SM Pendidikan Khas, dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM atau Sekolah Swasta yang Tidak Berdaftar tetapi mengikuti kurikulum kebangsaan hendaklah melaksanakan PP di peringkat menengah rendah; **dan**

b Murid berada di Tingkatan Tiga

#### Calon Persendirian

a Calon tidak berada dalam sistem persekolahan; **dan**

b Calon telah berumur 14 tahun pada 1 Januari tahun pendaftaran.

### 3.3 Berapakah kadar yuran pendaftaran bagi menduduki PT3?

<b>a</b>	Calon Sekolah	Tidak dikenakan bayaran.
<b>b</b>	Calon Sekolah Swasta / Calon Persendirian	RM 65.00.

### 3.4 Bagaimanakah cara calon persendirian mendaftar untuk menduduki PT3?

Calon Persendirian hendaklah membuat pendaftaran di Jabatan Pendidikan Negeri menggunakan borang pendaftaran yang disediakan.

### 3.5 Apakah mata pelajaran yang boleh didaftar oleh calon PT3?

Mata pelajaran yang boleh didaftar adalah seperti berikut :

#### Calon Sekolah - Menganut agama Islam

	Pilihan Pertama	Pilihan Kedua
1	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
3	<i>Science</i>	<i>Science</i>
4	<i>Mathematics</i>	<i>Mathematics</i>
5	Pendidikan Islam	Pendidikan Islam
6	Kemahiran Hidup Bersepadu	Kemahiran Hidup Bersepadu
7	Sejarah	Sejarah
8	Geografi	Geografi
9	Bahasa Cina Bahasa Tamil Bahasa Arab Bahasa Kadazandusun Bahasa Iban Bahasa Punjabi	

**Calon Sekolah - Tidak menganut agama Islam**

	<b>Pilihan Pertama</b>	<b>Pilihan Kedua</b>
1	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
3	<i>Science</i>	<i>Science</i>
4	<i>Mathematics</i>	<i>Mathematics</i>
5	Kemahiran Hidup Bersepadu	Kemahiran Hidup Bersepadu
6	Sejarah	Sejarah
7	Geografi	Geografi
8	Bahasa Cina Bahasa Tamil Bahasa Arab Bahasa Kadazandusun Bahasa Iban Bahasa Punjabi	

**Calon Persendirian - Menganut agama Islam**

	Pilihan Pertama	Pilihan Kedua
1	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
3	<i>Science</i>	<i>Science</i>
4	<i>Mathematics</i>	<i>Mathematics</i>
5	Pendidikan Islam	Pendidikan Islam
6	Kemahiran Hidup Bersepadu	Kemahiran Hidup Bersepadu
7	Bahasa Cina Bahasa Tamil Bahasa Arab Bahasa Kadazandusun Bahasa Iban Bahasa Punjabi	

**Calon Persendirian - Tidak menganut agama Islam**

	Pilihan Pertama	Pilihan Kedua
1	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
3	<i>Science</i>	<i>Science</i>
4	<i>Mathematics</i>	<i>Mathematics</i>
5	Kemahiran Hidup Bersepadu	Kemahiran Hidup Bersepadu
6	Bahasa Cina Bahasa Tamil Bahasa Arab Bahasa Kadazandusun Bahasa Iban Bahasa Punjabi	

**Nota : Calon Persendirian hanya dibenarkan menduduki Ujian Bertulis sahaja.**



4.0

PENGOPERASIAN PT3

---

**4.1 Bolehkah calon menduduki PT3 semasa berada di Sekolah Dalam Hospital?**

Boleh. Pentadbiran PT3 akan dilaksanakan oleh guru-guru Sekolah Dalam Hospital (SDH) mengikut jadual yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dengan kebenaran doktor yang merawat calon berkenaan. Sekiranya guru-guru SDH tidak mempunyai kepakaran mata pelajaran, pihak JPN akan menghantar PKw bagi membantu murid melaksanakan tugas. Contohnya Lisan Mendengar Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris.

---

---

**4.2 Bolehkah calon yang sakit dan ditempatkan di hospital menduduki PT3?**

Calon boleh menduduki PT3 di sekolah setelah keluar dari hospital dalam tempoh yang dibenarkan oleh Lembaga Peperiksaan.

---

---

**4.3 Bolehkah calon mengambil mata pelajaran yang telah didaftarkan di sekolah lama tetapi tidak ditawarkan disekolah baharu?**

Murid dibenarkan menduduki PT3 bagi semua mata pelajaran yang telah didaftarkan kerana PT3 ditadbir, dilaksana dan diberikan skor oleh pihak sekolah. Sekiranya calon mahu mengambil mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah lama dan tidak ditawarkan di sekolah baharu, ibu bapa/penjaga hendaklah mengemukakan surat permohonan kepada pengetua dan dipanjangkan kepada JPN untuk tindakan selanjutnya.

---

---

**4.4 Bolehkah murid yang baru pulang dari bermastautin di luar negara menduduki PT3?**

Boleh, sekiranya tempoh pelaksanaan dan pentaksiran PT3 belum tamat.

---

---

**4.5 Apakah status calon yang berpindah dari sekolah lama ke sekolah baharu?**

Calon berkenaan akan menjadi calon pindah pusat di sekolah baharu. Tiada calon menumpang bagi PT3.

---

---

**4.6 Apakah dokumen yang perlu di bawa oleh calon dari sekolah lama apabila mereka berpindah ke sekolah yang baharu?**

Apabila calon berpindah ke sekolah yang baharu, calon dikehendaki membawa dokumen berkenaan ke sekolah baharu:

4.6.1 Skor / Pencapaian Pentaksiran Sekolah

4.6.2 Skor PAJSK

4.6.3 Skor Ujian Psikometrik

4.6.4 Skor PT3 bagi mata pelajaran yang telah dilaksanakan di sekolah lama.

---

**4.7 Sekiranya calon tidak melaksanakan PT3 bagi mana-mana mata pelajaran yang telah didaftarkan, apakah keputusan /gred yang akan diberikan dalam Pelaporan PT3?**

Murid yang tidak melaksanakan PT3 bagi mana-mana mata pelajaran yang telah didaftarkan akan menerima keputusan / gred (T) bagi mata pelajaran berkenaan.

---

**4.8 Bilakah PT3 ditadbir oleh sekolah?**

PT3 akan ditadbir oleh sekolah mengikut Jadual Waktu dan Jadual Kerja Pelaksanaan PT3 yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan.

---

**4.9 Bagaimanakah PT3 bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) ditadbir?**

CBK akan melaksanakan PT3 mengikut jadual yang ditetapkan oleh LP. Tiada sebarang pengecualian diberikan kepada calon berkenaan. Walau bagaimanapun murid pekak dan bisu dikecualikan daripada melaksanakan ujian lisan bertutur dan mendengar.

Pihak sekolah hendaklah menyediakan keperluan khas yang diperlukan oleh murid berkenaan CBK seperti perkhidmatan, peralatan atau perisian khas dalam PT3.

---

**4.10 Adakah tercatat jenis kecacatan calon CBK bagi pelaporan PT3 yang dikeluarkan oleh sekolah?**

Pelaporan PT3 tidak mencatat jenis kecacatan bagi mana-mana calon CBK.

---

5.0

# PENJAMINAN KUALITI PT3

---

**5.1 Apakah langkah yang dilaksanakan oleh LP untuk memastikan skor PT3 yang diperolehi oleh calon adalah sah dan boleh dipercayai?**

LP menjalankan Penjaminan Kualiti sepanjang pengendalian dan pelaksanaan PT3 oleh pihak sekolah.

---

**5.2 Apakah maksud penjaminan kualiti?**

Penjaminan kualiti adalah piawaian untuk menentukan kualiti pelaksanaan PT3 mengikut garis panduan yang ditetapkan. Penjaminan Kualiti dilakukan melalui Pementoran, Penyelarasan, Pemantauan dan Pengesanan.

---

**5.3 Apakah pementoran?**

Pementoran adalah satu proses yang dijalankan untuk membantu, memudah cara, membimbing, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman bagi membolehkan guru melaksanakan PT3 mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh LP.

---

**5.4 Apakah pemantauan?**

Pemantauan adalah proses yang dijalankan untuk memastikan pelaksanaan PT3 mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh LP.

---

**5.5 Apakah penyelarasan?**

Penyelarasan adalah proses yang dijalankan untuk memastikan keseragaman pelaksanaan tugas dan penskoran demi keadilan kepada calon serta kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran.

---

**5.6 Apakah pengesanan?**

Pengesanan adalah proses menilai instrumen PT3 untuk:

- a. Mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan kebolehlaksanaan instrumen pentaksiran;
  - b. Menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pentaksiran; dan
  - c. Mencadangkan penambahbaikan instrumen pentaksiran.
-

## 5.7 Siapakah yang melaksanakan penjaminan kualiti PT3?

Penjaminan kualiti PT3 dilaksanakan oleh personel pentaksiran yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua seperti berikut:

PENJAMINAN KUALITI	DALAMAN	LUAR
PEMENTORAN	Ketua Panitia Guru mata pelajaran yang dilantik oleh Pengetua	Pegawai LP Ketua Pentaksir Kebangsaan (KPK) Ketua Pentaksir Negeri (KPN) Ketua Pentaksir Kawasan (KPKw) Pentaksir Kawasan (PKw)
PEMANTAUAN	Pengetua Penolong Kanan Pentadbiran Ketua Panitia	Pegawai LP Pegawai JPN Pegawai PPD
PENGESANAN	Ketua Panitia Guru mata pelajaran yang dilantik oleh Pengetua	Pegawai LP Ketua Pentaksir Kebangsaan (KPK) Ketua Pentaksir Negeri (KPN) Ketua Pentaksir Kawasan (KPKw) Pentaksir Kawasan (PKw)
PENYELARASAN	Ketua Panitia	Pegawai LP Ketua Pentaksir Kebangsaan (KPK) Ketua Pentaksir Negeri (KPN) Ketua Pentaksir Kawasan (KPKw) Pentaksir Kawasan (PKw)

---

**5.8 Apakah maksud moderasi skor?**

Moderasi skor adalah proses menyeragamkan skor sebelum melalui proses verifikasi skor.

---

**5.9 Apakah maksud verifikasi skor ?**

Verifikasi skor adalah proses menentusahkan skor yang diberikan oleh guru?.

---

**5.10 Apakah maksud verifikasi instrumen?**

Verifikasi instrumen adalah proses menentusahkan instrumen yang telah dimuat turun oleh guru yang dilantik oleh Pengetua.

---

6.0

PEREKODAN SKOR  
PT3



---

**6.1 Bagaimanakah guru merekod skor murid?**

---

Guru merekod skor secara atas talian menggunakan Aplikasi PT3 yang disediakan oleh LP.

---

---

**6.2 Bilakah guru merekod skor murid?**

---

Guru boleh merekodkan skor murid selepas proses moderasi oleh Ketua Pentaksir Mata Pelajaran dan Ketua Pentaksir Kawasan.

---

---

**6.3 Bilakah guru menghantar skor ke LP?**

---

Guru menghantar skor ke LP selepas proses verifikasi skor oleh Pengetua.

---

---

**6.4 Pihak manakah yang menentukan gred bagi setiap skor yang diperolehi oleh calon?**

---

LP menentukan gred bagi setiap skor yang diperolehi oleh murid.

---

7.0

PELAPORAN PT3

### 7.1 Apakah pelaporan yang akan diterima oleh murid Tingkatan 3?

Calon akan menerima empat pelaporan iaitu :

- a) Pelaporan PT3
- b) Pelaporan PS
- c) Pelaporan PAJSK
- d) Pelaporan PPSi.

Pelaporan akan dikeluarkan oleh pihak sekolah menggunakan format standard yang disediakan oleh LP.

### 7.2 Apakah perbezaan antara pelaporan Pelaporan Sekolah (PS) dan pelaporan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)?

PELAPORAN PS	PELAPORAN PT3
<p><b>Pentaksiran formatif</b> dilaksanakan untuk menguji topik yang sedang diajar. Pelaporan formatif adalah untuk melihat perkembangan pembelajaran murid bagi setiap mata pelajaran yang dipelajari pada tahun semasa.</p> <p><b>Pentaksiran sumatif</b> dijalankan padapertengahan tahun dan akhir tahun. Pelaporan sumatif adalah untuk melihat pencapaian pembelajaran murid bagi setiap mata pelajaran yang dipelajari pada tahun semasa.</p>	<p><b>Pelaporan sumatif</b> adalah untuk melihat pencapaian pembelajaran murid bagi setiap mata pelajaran yang dipelajari pada tahun semasa.</p> <p><b>Pelaporan PT3</b> adalah untuk melihat pencapaian murid dalam mata pelajaran yang dipelajari dalam tempoh 3 tahun di peringkat menengah rendah.</p>

---

**7.3 Mengapakah murid yang mendapat Band 6 untuk pelaporan PS murid tidak semestinya mendapat Gred A untuk laporan pelaporan PT3 bagi sesuatu mata pelajaran?**

---

Pelaporan PS melaporkan perkembangan murid mengikut penguasaan murid bagi perkara yang diajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh membimbing murid untuk menguasai perkara yang dipelajari sehingga mencapai band tertinggi.

Pelaporan PT3 bersifat sumatif dan hanya melaporkan pencapaian murid bagi gabungan beberapa perkara yang telah diajar. Pentaksiran dijalankan secara sekali sahaja (one off) dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Prestasi murid dalam pelaporan PS dan pelaporan PT3 murid sewajarnya mempunyai korelasi (hubung kait) positif.

---

**7.4 Adakah gred bagi ujian lisan akan digabungkan dengan gred ujian bertulis dalam PT3?**

---

Ujian Lisan dan Ujian Bertulis dilaporkan secara berasingan dengan dua gred yang berbeza

---

**7.5 Di manakah ibu bapa boleh mendapatkan pelaporan PT3 anak mereka?**

---

Ibu bapa boleh mendapatkan pelaporan anak mereka di sekolah.

---

**7.6 Bagaimana pelaporan PT3 digunakan untuk permohonan pekerjaan?**

---

Penggunaannya bergantung kepada syarat dan keperluan yang ditentukan oleh majikan.

---

## 7.7 Apakah format pelaporan PT3 yang akan diterima oleh calon?

**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH**  
**PERNYATAAN KEPUTUSAN**  
**PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)**  
**TAHUN : 2014**

**NAMA : ADIB NAQUIDDIN BIN FARIDUL AMINI**                      **ANGKA GILIRAN: KA008K001**

**NAMA SEKOLAH: SMK MAHSURI**    **NO. KAD PENGENALAN: 990521027133**

<b>KOD</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>	<b>GRED</b>
02	BAHASA MELAYU UJIAN BERTULIS	B    KEPUJIAN
03	BAHASA MELAYU (LISAN)	D    MEMUASKAN
12	BAHASA INGGERIS UJIAN BERTULIS	A    CEMERLANG
13	BAHASA INGGERIS (LISAN)	A    CEMERLANG
21	SEJARAH	A    CEMERLANG
23	GEOGRAFI	A    CEMERLANG
45	PENDIDIKAN ISLAM	C    BAIK
50	MATHEMATICS	C    BAIK
55	SCIENCE	D    MEMUASKAN
79	KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU - PERDAGANGAN DAN KEUSAHAWANAN	C    BAIK

**TAFSIRAN GRED PT3**

<b>GRED</b>	<b>TAFSIRAN GRED</b>
A	CEMERLANG
B	KEPUJIAN
C	BAIK
D	MEMUASKAN
E	MENCAPAI TAHAP MINIMUM
F	BELUM MENCAPAI TAHAP MINIMUM

**PETUNJUK**  
T - TIDAK HADIR  
K - PENGECEUALIAN  
R - KEBENARAN KHAS

**HJ. SABBIR RAHMAN RAHIM**  
*(Signature)*  
BENGEK  
Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri  
07000 Kuala Langkawi, Kedah.

8.0

PENYEMAKAN  
SEMULA KEPUTUSAN  
PT3

---

**8.1 Bolehkah calon PT3 membuat penyemakan semula keputusan dan di manakah permohonan tersebut boleh dibuat?**

---

Boleh.

Calon sekolah boleh membuat permohonan penyemakan semula keputusan di sekolah masing-masing.

Calon persendirian calon boleh membuat permohonan penyemakan semula keputusan di Jabatan Pendidikan Negeri.

---

---

**8.2 Bilakah tarikh tutup permohonan penyemakan semula keputusan PT3?**

---

30 hari dari tarikh keputusan PT3 dikeluarkan.

---

---

**8.3 Berapakah bayaran yang dikenakan bagi permohonan penyemakan semula keputusan PT3?**

---

RM50 bagi satu mata pelajaran.

---

---

**8.4 Bilakah keputusan penyemakan semula PT3 dikeluarkan?**

---

Dua bulan dari tarikh tutup permohonan penyemakan semula keputusan PT3

---

---

**8.5 Bagaimanakah Penyemakan Semula Keputusan PT3 dilakukan?**

---

Penyemakan Semula keputusan PT3 dilakukan secara

- a. semakan teknikal
  - b. pemeriksaan semula skrip jawapan calon
- 

---

**8.6 Adakah panduan bagi Penyemakan Semula Keputusan PT3?**

---

Lembaga Peperiksaan telah menyediakan Panduan Penyemakan Semula Keputusan PT3. Panduan ini boleh dimuat turun dari portal Lembaga Peperiksaan.

---